

Jenayah seks, terutama rogol, yang berlaku di negara ini kini sungguh membimbangkan. Sejak kes pembunuhan kejam Nurin Jazlin Jazimin, Nurul Huda Abdul Ghani dan Norsuzaily Mukhtar (sekadar menyebut beberapa nama), masyarakat mula sedar betapa di luar sana ada manusia yang tidak berperikemanusiaan demi untuk memuaskan nafsu mereka. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka yang bergelar wanita sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa hatta golongan tua terdedah kepada perbuatan rogol. Pernahkah kita terfikir, di masa akan datang, masihkah wujud ketenteraman di jiwa kita, anak dan keluarga untuk hidup tanpa perlu ada kebimbangan dan perasaan tidak percaya kepada orang di sekeliling.

Rogol itu Jenayah

Mengikut Seksyen 375 Kanun Keseksaan menyatakan seorang lelaki itu dikatakan melakukan perbuatan rogol jika dia mengadakan persetubuhan dengan seorang perempuan dalam keadaan seperti berikut:

- Tanpa kerelaan mangsa
- Tanpa keizinan mangsa
- Dengan kebenaran, tetapi kebenaran itu diperoleh dengan ugutan bunuh atau kecederaan kepada mangsa atau orang terdekat.
- Menggunakan taktik penipuan untuk mendapatkan kebenaran mangsa.
- Dengan kebenaran, tetapi semasa kebenaran itu diberi, perempuan itu tidak faham apa yang berlaku dan akibatnya daripada memberi kebenaran berkenaan.
- Jika mangsa remaja di bawah umur, walaupun dengan kebenaran.



“Ibu bapa perlu lebih terbuka membicarakan soal pendidikan seks untuk kefahaman anak-anak.”

- ASISTEN KOMISIONER
ABDUL JALIL HASSAN

Menurut Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Abdul Jalil Hassan, kebanyakan jenayah rogol hari ini membabitkan hubungan seks suka sama suka. Sama ada kekasih atau rakan sekolah, sekolej atau rakan sekerja.

Namun apabila terjadi sesuatu yang tidak memuaskan hati satu pihak seperti gaduh, diugut, atau diketahui keluarga menyebabkan mangsa membuat laporan polis. Apabila laporan dibuat, kes itu diklasifikasikan sebagai rogol.

Punca kejadian rogol

- Persekitaran (gejala sosial yang semakin membarah)
- Latar belakang keluarga (ibu bapa mempunyai masalah seperti perceraian dan anak terabai)
- Latar belakang diri (anak yang sering memberontak tidak suka dikongkong)
- Latar Belakang persahabatan (rakan terdiri daripada mereka yang mempunyai masalah)

Elakkan diri daripada menjadi mangsa

- Awasi ahli keluarga yang kurang siuman atau lembam supaya tidak terdedah bahaya rogol.
- Beri penerangan tentang seks kepada kanak-kanak
- Beri pendidikan agama dan moral tentang dan kemudharatan perbuatan persetubuhan haram.
- Mengawasi dan memantau pergaulan anak.
- Jangan mempercayai janji bomoh.
- Jangan percaya janji untuk berkahwin dengan me-

ROGOL



PERCAYA ATAU TIDAK

Jenayah rogol antara pasangan suka sama suka lebih banyak berlaku berbanding jenayah rogol membabitkan perogol sebenar yang menggunakan kekerasan.

Taktik yang sering digunakan perogol

Terdapat banyak taktik yang digunakan perogol, malah taktik itu berubah-ubah dan kadangkala tidak terjangkau pemikiran kita taktik terbabit digunakan penjenayah. Antaranya

1. Rogol menggunakan pujuk rayu

Perogol biasanya mencari kelemahan mangsa. Mereka akan pujuk rayu supaya mangsa percaya kepadanya. Apabila mangsa memberi tindak balas positif, perogol mula bertindak. Jika perogol berjaya menguasai mangsa, selalunya mereka akan bertindak merakam gambar mangsa sebagai tiket untuk mengugut mangsa.

2. Rogol menggunakan dadah

Perogol akan letakkan tablet atau pil tertentu ke dalam minuman mangsa. Terdapat pelbagai jenis dadah digunakan untuk tujuan ini terutama dadah yang memberi kesan ubat pelai kepada mangsa.

3. Rogol menggunakan kekerasan

Taktik ini sering digunakan perogol terdesak dan tempat yang kurang menjadi perhatian ramai antaranya di jalan atau kawasan sunyi, rumah tidak berpenghuni, semak, namun kenderaan awam dan rumah juga boleh menjadi tempat pilihan. Perogol akan gunakan kekerasan seperti menarik mangsa daripada belakang, tepi bagi mengelak mangsa menjerit. Malah ada yang memukul mangsa hingga pengsan sebelum merogol.

4. Menggunakan kelebihan diri (bomoh, tukang tilik dan sebagainya)

Taktik ini berlaku terhadap mangsa yang terlalu percaya kepada individu yang boleh mengubati penyakit. Selalunya mereka akan mempercayai bomoh walaupun ada yang berjanji menyembuhkan penyakit dengan mengadakan hubungan seks.

- nyerah kehormatan diri.
- Tidak mudah terima pelawaan orang yang tidak atau baru dikenali.
- Minta dan semak kad kuasa orang yang mengaku sebagai penjawat awam.
- Elak berjalan sendirian di tempat gelap, sunyi atau terpencil.
- Membawa alat penggera peribadi amat disyorkan.
- Berhati-hati dengan makanan dan minuman yang diberikan orang yang tidak atau baru dikenali.
- Berjaga-jaga ketika di tandas awam, stesen bas, lif dan sebagainya.
- Pastikan ada penumpang wanita lain bersama ketika menaiki kenderaan awam.

Hari ini, semua pihak berganding bahu untuk cari jalan penyelesaian, malah tidak kurang yang membantu dengan menyediakan rumah perlindungan untuk mangsa rogol. Namun itu cuma penyelesaian jangka pendek, apa yang penting peranan ibu bapa terhadap anak. Jangan malu untuk mendedahkan anak dengan pendidikan seks. Ibu bapa perlu lebih terbuka membicarakan soal berkenaan untuk memberi kefahaman kepada anak. Telus berbicara akan menjadikan anak lebih berwaspada apabila berada dalam persekitaran sama ada bersama saudara, rakan mahupun anggota masyarakat yang lain.

Kita perlu tahu dan faham bahawa rogol adalah perbuatan jenayah. Ia perlu dihalang daripada terus membarah dalam kelompok masyarakat kita. Semua kes rogol perlu dilaporkan kepada polis supaya semua tindakan yang sepatutnya boleh diambil ke atas penjenayah terbabit.